

Pencapaian

SEJARAH KECEMERLANGAN

Sejarah AmFinance boleh dijejaki mulai tahun 1964 dengan penubuhan sebuah syarikat di bawah nama Malaysian Industrial Finance Corporation Limited. Syarikat ini kemudiannya menjadi ahli AMMB Holdings Berhad (Kumpulan) pada tahun 1977, apabila Kumpulan mengambil alih 70.0% ekuiti syarikat. Ia kemudiannya dinamakan semula sebagai Arab-Malaysian Finance Berhad (AMFB). Pada September 1982, Kumpulan telah meningkatkan kepentingan sebanyak 30.0% lagi dan menjadikan AMFB sebuah subsidiari milik penuh.

Pada tahun 1990, AMFB telah mengorak langkah penting dengan mengambil alih First Malaysia Finance Berhad (FMFB) di bawah skim penyelamat yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Pengambilalihan ini telah meningkatkan rangkaian cawangan AMFB daripada 26 menjadi 55 buah cawangan dan meluaskan lagi pangkalannya.

1992 merupakan tahun yang penting buat AMFB. Pada 20 April, AMFB telah memperolehi status penyenaianya apabila kesemua modal terbitan dan berbayar Syarikat sebanyak 150,000,000 saham telah disebut harga di Bursa Securities Malaysia Berhad (Bursa Securities).

Pada Disember 1998, selaras dengan rancangan Kerajaan untuk menyatukan industri bagi menghadapi cabaran peningkatan peliberalan dan globalisasi, AMFB sekali lagi mencipta sejarah dengan mengambil alih aset dan liabiliti Abrar Finance Berhad. Pengambilalihan Abrar Finance telah mengukuhkan lagi tapak AMFB di arena perbankan Islam.

Dalam beberapa tahun AMFB telah berkembang dengan mantap dan sentiasa menjadi institusi pertama yang memperkenalkan produk dan perkhidmatan yang inovatif untuk para pelanggannya. Kami merupakan institusi kewangan pertama yang memperkenalkan 'Waktu Perbankan Lanjutan' dan 'Perbankan Hari Ahad' di cawangan kami; syarikat kewangan pertama yang menawarkan pembayaran terbitan saham awam melalui ATM; yang pertama memperkenalkan Sewa Beli Tanpa Faedah berasaskan prinsip Al-Ijarah Thumma Al-Bai dan syarikat kewangan pertama yang menjalankan cawangan Skim Perbankan Islam sepenuhnya.

Di bidang Perbankan Islam, AMFB mendahului senarai Bank Negara Malaysia bagi Institusi Perbankan Teratas Yang Menyediakan Perkhidmatan Perbankan Islam (IBS) bagi dua tahun berturut-turut pada 1997 dan 1998. Pada Jun 2002, AMFB memenangi Anugerah Tahunan Nilai Pemegang Saham SI-KPMG bagi Sektor Perkhidmatan Kewangan.


Penyelesaian penggabungan di antara AMFB dan MBf Finance Berhad pada 15 Jun 2002 menandakan penubuhan syarikat kewangan yang terbesar di negara ini dari segi saiz aset dan rangkaian cawangan, dan penampilan Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian sebagai kumpulan perbankan kelima terbesarnya di negara ini. Di bawah pelan pengambilalihan, aset dan liabiliti AMFB diletakkan di bawah MBf Finance, yang kemudiannya dinamakan semula sebagai AmFinance Berhad selaras dengan inisiatif penjenamaan semula Kumpulan. AmFinance Berhad menguruskan gabungan kedua-dua perniagaan syarikat kewangan AMFB dan MBf Finance. Penjenamaan semula AmFinance adalah sehaluan dengan pelaksanaan penjenamaan semula Kumpulan di era baru dengan Kumpulan meningkatkan penampilannya di dalam perniagaan kewangan pengguna. Kumpulan AmBank telah diberi status Superbrand pada tahun 2003.

AmFinance sentiasa mengukuhkan profil kewangannya meskipun di dalam persekitaran yang kompetitif. Hari ini AmFinance telah menjadi jenama sebutan ramai di dalam senario perbankan tempatan dengan menawarkan para pelanggan rangkaian penyelesaian kewangan yang meluas daripada deposit, pembiayaan pengguna, pinjaman saiz sederhana dan kecil hinggalah pembiayaan korporat.




KEDUDUKAN SEKARANG

Pertumbuhan Aset AMFB




Saiz aset Kumpulan sentiasa meningkat terutamanya kerana pembiayaan pinjaman yang besar dan kedudukan aliran tunai yang kukuh. Sejak tahun kebelakangan ini, Kumpulan telah menumpukan terhadap pinjaman untuk segmen pelanggan runcit dan menjadikan pembiayaan pelanggan 90.0% daripada jumlah pembiayaan yang disediakan oleh Syarikat.

Keuntungan Pra Cukai




Komitmen Kumpulan menyediakan nilai yang konsisten untuk pelanggan kami terbukti dengan prestasi cemerlang yang dicapai Kumpulan. Dalam tahun 2004, Kumpulan mendahului senarai institusi kewangan dalam menyediakan pulangan terbaik untuk pemegang saham dalam kaji selidik yang dijalankan oleh majalah The Edge.

Kekuatan kakitangan



Jumlah kakitangan bertambah hampir empat kali ganda sejak 1994 menjadi 5,220 pekerja dalam 2004. Sepanjang tempoh ini, Syarikat telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk latihan dan pembangunan kakitangan.

Rangkaian Cawangan



Dengan hanya 19 cawangan pada tahun 1960an, rangkaian cawangan Kumpulan diperluaskan lagi untuk meningkatkan jangkauan pelanggan selaras dengan matlamat menjadi institusi yang berfokus pelanggan. Hari ini rangkaian cawangan Kumpulan berjumlah 207 semuanya yang diagihkan di serata pelosok negara.

PENCAPAIAN KAMI

Turutan

1987	Melancarkan SMART (Share Margin Trading), kemudahan pembiayaan saham
1992	Melancarkan Akaun Simpanan Step-Up, variasi skim simpanan faedah berperingkat sedia ada yang menawarkan kadar faedah premier bagi baki yang lebih tinggi secara progresif
1993	Melancarkan Skim Perbankan Tanpa Faedah, penjualan Cek Kembara VISA, Perkhidmatan Tukaran Wang
1994	Melengkapkan automasi bagi semua fungsi
1995	Melancarkan 'Arif', kemudahan HP tanpa faedah di bawah prinsip Al-Ijarah Thumma Al-Bai
1996	Melancarkan Akaun Simpanan AM-Genius, sempena kempen simpanan kebangsaan dan Akaun Pelaburan Afdhal
1997	Kebanyakan portfolio kewangan pengguna utama dipindahkan ke Sistem Perbankan Integrasi Sistematis yang membolehkan pembayaran, pertanyaan dan perkhidmatan akaun secara dalam talian di seluruh negara Melancarkan Interest-Plus, pakej pelaburan dan simpanan bersama dengan Arab-Malaysian Unit Trust (sekarang AmInvestment Services)
1998	Melancarkan promosi Arab Malaysian – Astro FD dengan kerjasama Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd. Kempen telah menarik deposit runcit sebanyak lebih RM1.0 bilion dalam tempoh dua bulan promosi Melancarkan AM 50 Plus, akaun FD yang direka untuk menyimpan warga tua dengan pulangan yang tinggi Menubuhkan sistem pusat panggilan berintegrasi untuk melayan pertanyaan pelanggan
1999	Melancarkan HOMEFree, pinjaman perumahan pertama AMFB dengan yuran guaman dan pemprosesan percuma Melaksanakan sistem maklumbalas suara interaktif di Pusat Panggilan untuk memudahkan aktiviti tele-perbankan pelanggan
2000	Sistem IT perbankan runcit AMBB dan AMFB disatukan menjadi sebuah platform perkakasan bagi membolehkan jualan silang dan melayani produk runcit Melancarkan AmSureLife (insurans tempoh boleh diperbaharui tahunan yang menjamin perlindungan kematian dan TPD), FD Quantum dan GIA Quantum
2001	Memperkenalkan Penyelesaian Sumber Pinjaman yang tersedia melalui web untuk menyusun proses kredit dan pinjaman melalui aliran kerja automatik, teknologi pengimejan dan repositori maklumat akaun Memperkenalkan Automated Legal Electronic Recovery Tracking (ALERT), sebuah sistem berasaskan web direka untuk mengumpulkan fungsi perolehan semula perundangan Melancarkan Tabung Perumahan Ehsan (TPE), sebuah dana perumahan bagi membantu mereka yang kurang bernasib baik.
2002	Melancarkan perkhidmatan Pembrokeran Cawangan di cawangan terpilih seluruh negara Melancarkan saluran internet berintegrasi, iaitu ambg.com.my dan i-Amstar
2003	Melancarkan perkhidmatan perbankan mobil dengan kolaborasi bersama Celcom Melancarkan Perkhidmatan Nasihat Kewangan Peribadi (AmFast) Melancarkan MegaFD, produk hibrid terdiri daripada FD dan Insurans Hayat



NOTA PENTING



- Syarikat kewangan pertama di Malaysia yang memperkenalkan 'Waktu Perbankan Lanjutan'
- Syarikat kewangan pertama di Malaysia bergabung dengan Amex menawarkan perkhidmatan Kad Emas untuk para pelanggannya
- Syarikat kewangan pertama di Malaysia menawarkan pembayaran terbitan saham awam melalui ATM
- Syarikat kewangan pertama di Malaysia menawarkan skim pinjaman perumahan dua generasi sehingga tempoh 60 tahun
- Syarikat kewangan pertama di Malaysia bekerjasama dengan Interpayment Services Ltd, pengeluar cek kembara Visa terkemuka dunia
- Syarikat kewangan pertama di Malaysia yang menawarkan kelulusan serta merta bagi pinjaman peribadi melalui perkhidmatan telefonnya, Phone-A-Loan
- Syarikat kewangan pertama di Malaysia menawarkan pinjaman kepada penaja dan peniaga kecil di bawah Skim Dana Pinjaman Penaja dan Peniaga Kecil
- Menerima anugerah dalam tahun 1997 sebagai syarikat kewangan tiga teratas di Malaysia yang menyokong Pinjaman Skim Jaminan Prinsipal Baru oleh Credit Guarantee Corporation Berhad
- AMFB disenaraikan nombor satu oleh Direktori Institusi Perbankan Islam Malaysia untuk dua tahun berturut-turut, iaitu 1997 dan 1998 (dikeluarkan oleh BNM) dari segi deposit dan pembiayaan
- Membuka cawangan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) sepenuhnya yang pertama pada tahun 1997. Cawangan menawarkan pilihan kemudahan Perbankan Islam yang sofistikated dan meluas
- AM50 Plus terpilih sebagai salah satu daripada tiga finalis untuk kategori 'Program Perkhidmatan Pelanggan' dalam Anugerah Perbankan Asia 1999 yang dianjurkan oleh Asian Banking Digest
- AMFB memenangi Anugerah Nilai Pemegang Saham SI-KPMG tahunan – Sektor Perkhidmatan Kewangan pada tahun 2002

